



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon: 603-8318 5444  
Faksimili: 603-8319 5244  
Laman Web: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mel: [bkkibpm@bomba.gov.my](mailto:bkkibpm@bomba.gov.my)

**'CEPAT DAN MESRA'**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-7/5/1 Jld 6(9)

Tarikh : 12 Jun 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**PEMBERHENTIAN PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API OLEH JABATAN BOMBA  
DAN PENYELAMAT UNTUK KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM DAN  
KENDERAAN PENGANGKUTAN PETROLEUM/MUDAH TERBAKAR**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Memaklumkan bahawa Bahagian ini telah mendapat maklumbalas daripada Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa pemeriksaan alat pemadam api (APA) mudah alih bagi kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan pengangkutan petroleum/mudah terbakar akan dilakukan oleh PUSPAKOM. Sehubungan dengan itu, berkuatkuasa 1 Jun 2013 jabatan ini tidak lagi membuat pemeriksaan ke atas alat pemadam api bagi kenderaan yang tersebut di atas.

3. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat dari Kementerian Pengangkutan bertarikh 22 Mei 2013 rujukan KP/BD/PJ/0.27 JLD. 27 (16) dan surat dari Jabatan Pengangkutan Jalan bertarikh 29 Mei 2013 rujukan (48) dlm. JPJ.327/1/9(8) JLD. 21 yang jelas menerangkan maksudnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 Malaysia" Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO)RUSMANI BIN MUHAMAD)**

Penolong Ketua Pengarah  
Bahagian Keselamatan Kebakaran  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k.:

YAS Ketua Pengarah  
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
YS Pen. Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran

drm/msa



## **SENARAI EDARAN**

### **YS Pengarah**

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Labuan

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya



Ruj.Kami : ( 48 ) dlm.JPJ.327/1/9(8) JLD 21.

Tarikh : 29 Mei 2013

**PUSPAKOM SDN.BHD.**

Aras 3, Wisma DRB-HICOM  
No.2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1  
**40150 Shah Alam, Selangor.**  
(U.p.: YBhg. Dato' Ooi Win Juat)

YBhg. Dato'

**CADANGAN KAEDAH PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API UNTUK KENDERAAN  
PERDAGANGAN OLEH PIHAK PUSPAKOM**

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara diatas.

2. Pada 23 Julai 2012, pihak PUSPAKOM telah mengemukakan cadangan kelonggaran pemeriksaan alat pemadam api untuk kenderaan perkhidmatan awam bagi teksi dan kereta sewa melalui surat No. Ruj.: CEO/G/RTD/01/12-53. Cadangan tersebut adalah berikutan daripada keputusan oleh Majlis Ekonomi Negara iaitu pemandu teksi tidak lagi perlu menghantar alat pemadam api untuk diperiksa oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

3. Lanjutan daripada itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan diantara pihak JPJ, JBPM serta PUSPAKOM bagi mencari mekanisma terbaik berhubung keputusan oleh Majlis Ekonomi Negara tersebut memandangkan alat pemadam api adalah amat penting bagi memadamkan kebakaran awal jika ianya berlaku pada sesebuah kenderaan.

4. Daripada siri perbincangan tersebut, keputusan yang telah dicapai ialah membenarkan pihak PUSPAKOM meluluskan pemeriksaan alat pemadam api (pemeriksaan visual) bagi semua kenderaan perdagangan dengan hanya berdasarkan kepada sijil pengesahan sah tempoh lakunya yang dikeluarkan oleh pihak kontraktor penyelenggara dilantik oleh JBPM.

5. Sehubungan dengan itu, kelulusan terhadap cadangan tersebut telah diperolehi daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui surat No. Ruj.: KP/BD/PJ0.27 JLD. 27(16) bertarikh 22 Mei 2013 yang juga mengkehendaki pihak YBhg. Dato' memastikan kesahihan sijil pengesahan sah tempoh laku adalah tidak dipalsukan bagi mengelakkan sebarang permasalahan kepada pihak PUSPAKOM jika berlakunya sebarang kejadian akibat daripada kegagalan pematuhan atau pemalsuan dokumen oleh pihak – pihak tertentu.

6. Bersama – sama ini dilampirkan juga surat kelulusan tersebut untuk tindakan pihak YBhg. Dato' dan perhatian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"MESRA,CEKAP,TELUS"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD FAIRUZ BIN IZANI)**

Bahagian Kejuruteraan Automotif

b.p. Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan  
Malaysia.

S.k. : i. **Ketua Pengarah**  
**Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia**  
**Lebu Wawasan, Presint 7**  
**62250 Putrajaya.**  
**(U. p.: Tuan Amran bin Jaya)**

Ruj.Kami : (48) dlm.JPJ.327/1/9(8) JLD 21  
Tarikh : 29 Mei 2013



KP/BD/PJ/0.27 JLD. 27 ( 16 )  
22 Mei 2013

**SEGERA DENGAN FAKS**



Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan  
Aras 5, Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62620 PUTRAJAYA**  
(u.p : Ir Mohamad Bin Dalib)



47

**Faks : 8886 6689**

Tuan,

**CADANGAN KAEDAH PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API UNTUK  
KENDERAAN PERDAGANGAN OLEH PIHAK PUSPAKOM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat pihak tuan Ruj. (20) dlm.  
JPJ.327/1/9 (8) Jld. 21 bertarikh 8 Mac 2013 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah bersetuju dengan cadangan pihak tuan untuk membenarkan PUSPAKOM memberi kelulusan ke atas pemasangan Alat Pemadam Api bagi kenderaan perdagangan berdasarkan sijil pengesahan sah tempoh lakunya yang dikeluarkan pihak kontraktor penyelenggara yang dilantik oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Walau bagaimanapun, sijil pengesahan sah tempoh laku tersebut hendaklah dipastikan kesahihannya dan tidak dipalsukan bagi memastikan pihak PUSPAKOM tidak dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kejadian akibat daripada kegagalan pematuhan atau pemalsuan dokumen oleh pihak-pihak tertentu.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan **persetujuan bersyarat** sepertimana di perenggan 2 di atas.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(ABD GHAFAR BIN YUSOF)  
Bahagian Darat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan  
MALAYSIA

Jk4,  
- - -  
29/5